

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS IFTAR BERSAMA**  
**TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB**  
**CANSelor UTeM**

*8 Ogos 2012 bersamaan 20 Ramadhan 1433H, 6.15 petang  
Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM ke majlis berbuka puasa yang dilangsungkan secara rasmi di bangunan **Masjid Sayyidina Abu Bakar**, Universiti Teknikal

2

Malaysia Melaka. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat semua warga UTeM. Didoakan kesihatan yang berpanjangan dan kesejahteraan yang sempurna kepada T.Y.T. Tun khususnya dalam memayungi kemajuan pembangunan di Universiti.

2. Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

3

- i. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM dan isteri
- ii. Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Ladin, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti dan isteri
- iii. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri
- iv. Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan isteri
- v. Wakil-wakil Kesatuan
- vi. Majlis Perwakilan Pelajar
- vii. Pihak media, warga UTeM seterusnya para penerima sumbangan yang diraikan di Majlis Iftar pada hari ini.

4

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan sahabat baginda. Mari kita merafa'kan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, kita dapat dihimpunkan di dalam Majlis Iftar Ramadhan pada tahun ini, semoga majlis ini sentiasa mendapat maghfirahNya, berkat dan mendapat perlindunganNya sepanjang masa kita berada di dalamnya.
2. Perhimpunan kita di dalam Majlis Iftar ini adalah bertujuan sebagai **penyambung dan juga pelengkap** kepada ikatan

5

silaturahim yang padu di antara semua warga UTeM serta pihak yang berkait rapat dengannya.

3. Bulan Ramadhan merupakan bulan yang mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan serta dilipatgandakan pahala oleh Allah S.W.T. Terdapat banyak hadis yang menceritakan mengenai kelebihan bulan yang mulia ini.
4. Antara kelebihan-kelebihan yang boleh diperoleh dalam bulan Ramadhan ialah:
  - i. **Pintu syurga dibuka sepanjang Ramadhan**, manakala pintu neraka pula ditutup. Ini menggambarkan kelebihan

6

yang diturunkan oleh Allah S.W.T telah disambut baik oleh umat Islam dengan memperbanyakkan ibadat dan amal soleh dalam bulan yang mulia ini;

- ii. **Syaitan diikat sepanjang bulan Ramadhan** agar kita dapat menunaikan segala ibadat dengan penuh keikhlasan. Tetapi kita perlu ingat bahawa kawan syaitan yang berada pada diri kita iaitu nafsu akan menggantikan tugas syaitan jika kita lalai;
- iii. **Puasa juga mampu menjadi perisai diri** daripada terjebak ke lembah maksiat serta ia mampu menghapuskan segala dosa-dosa yang lepas jika kita benar-benar ikhlas dan bertaubat kepada Allah S.W.T.; DAN

7

- iv. **Ibadah puasa juga menggalakkan sifat bantu-membantu** melalui amalan sedekah yang bertujuan untuk meringankan beban masyarakat Islam yang kurang berkemampuan bersesuaian dengan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a yang bermaksud “*Rasulullah s.a.w adalah manusia yang sangat pemurah dan Baginda akan menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadhan dan Baginda lebih pemurah dalam kebaikan daripada angin yang kencang.*”

( Riwayat Bukhari )

8

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dirahmati Allah Sekalian,

5. Berdasarkan kepada kelebihan Ramadhan, maka pada setiap tahun kehadirannya di UTeM telah disambut dengan pelbagai aktiviti bagi menghidupkan bulan yang mulia ini. Pengisian program Ihya' Ramadhan di UTeM telah pun bermula di awal Ramadhan yang mana ia dianjurkan dengan harapan untuk merapatkan silaturahim antara semua warga kampus sempena bulan penuh kemuliaan dan keberkatan. Acara tahunan ini sememangnya telah diteruskan dengan pelbagai aktiviti mengimarahkan masjid. Suka saya berkongsi, beberapa

9

aktiviti pengisian telah diterajui oleh Pusat Islam bersama Fakulti, Pusat dan Pejabat Pentadbiran. Selain aktiviti menyediakan bubur lambuk untuk diagihkan pada setiap hari, kita juga mengadakan aktiviti berbuka puasa dan solat terawih mengikut fakulti, pusat dan pejabat yang terlibat. Di samping itu, aktiviti bertadarus, ceramah, kuliah, kuiz, i'tikaf dan Qiamullail juga diteruskan sepanjang bulan Ramadhan. Diharapkan, warga kampus UTeM bukan sahaja meningkatkan ilmu pengetahuan melalui pengajian sebaliknya memperkuatkannya akidah diri dan silaturahim sebagai rentetan dari perjalanan yang sedia ada ini.

10

6. Justeru itu, Majlis Iftar bersama Tun Canselor merupakan program kemuncak sambutan Ihya' Ramadhan. Ini bagi memberi peluang kepada warga Universiti untuk bersama-sama berbuka puasa dan beramah mesra dengan Tun Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka sebagai Canselor UTeM.

Tun dan hadirin hadirin hadirat sekalian,

7. Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta yang sama-sama kita rasai kenikmatannya. Untuk itu, kita juga tidak lupa kepada amalan bersedekah dan membantu mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan untuk meringankan persediaan menyambut Ramadhan dan Syawal.

11

8. Seramai 100 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada pelajar UTeM yang miskin dan anak yatim, Anak Yatim daripada Rumah Jalinan Kasih dan Madrasah Annuriah Addiniah Sungai Udang serta anak Yatim di kalangan anak-anak staf UTeM yang kurang kemampuan akan menerima sumbangan pada majlis kali ini.
9. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang seperti Tabung Amal Jariah UTeM, Koperasi UTeM, PUSPANITA, BAKUTeM dan Sri Kesidang yang telah memberi sumbangan untuk diagihkan kepada mereka yang berhak.

12

10. Semoga dengan kehadiran Ramadhan ini, kita saling memperteguh sifat kasih sayang, saling bantu-membantu, hormat-menghormati serta sentiasa ingin berkorban demi mendapat keredaan Illahi.

Hadirin yang dihormati,

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Tun Canselor, di atas kesudian untuk hadir bersama-sama meraikan majlis kita pada petang ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada tuan-tuan kerana dapat turut serta dan tidak lupa kepada Jawatankuasa yang menjayakan majlis ini. Semoga kita diberikan kesempatan untuk bersama di

13

Ramadhan yang akan datang, selamat meneruskan ibadah puasa dan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

12. Semoga segala amal ibadah dan jariah yang telah kita lakukan diterima dan mendapat keredaan Allah S.W.T.

Sekian,

*wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh.*

14